

11/03/2001

Prof Zainal lebih sibuk daripada dulu

Zainudin Isa

KATA-KATA seorang wanita yang berniaga di Chikus, Teluk Intan dengan pendapatan RM2 sehari, kira-kira 35 tahun lalu masih terngiang-ngiang di telinganya.

"Nah...encik ambillah duit ini supaya niat encik nak buat universiti itu berjaya.

"Pada saat itu, kami semua mengalirkan air mata. Betapa besarnya pengorbanan wanita itu sedangkan hari itu mungkin dapur mereka tidak berasap atau anak kecilnya tidak menyusu," kata Prof Datuk Dr Zainal Abidin Wahid, salah seorang pengasas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apabila mengimbas perit getir perjuangannya ketika itu.

Meskipun Prof Zainal, 68, kini sudah bersara, perasaan dan jiwanya bagaikan bertaut erat dengan UKM. Baginya, UKM ibarat 'anak emas' dan kemuncak perjuangannya bagi mengangkat martabat bahasa dan bangsa Melayu.

Bagaimanapun, dalam merencana penubuhan UKM sekitar 1967, beliau tidak berseorangan.

"Sebenarnya kami berenam memulakan rancangan awal ini. Kami terpanggil untuk menubuhkan sebuah universiti yang bahasa pengantarnya Melayu berikutan termaktubnya Akta Pelajaran 1961.

"Akta yang lahir daripada Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib itu antara lain menekankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat.

"Jadi salah satu cara untuk mencapai sasaran itu ialah penggunaan bahasa Melayu harus bermula daripada sekolah rendah sehinggalah universiti," katanya.

Bersamanya ialah Prof Tengku Shamsul Baharin, Prof Abu Bakar Abdul Hamid, Dr Syed Hussein Ali, Datuk Mohamad Zin Majid dan Datuk Dr Ghazali Abdul Rahman.

Mereka bertanggungjawab menyediakan kertas kerja yang memperincikan mengenai penubuhan, tujuan, kurikulum dan latihan tenaga pengajar UKM.

"Kami sering bertukar-tukar rumah untuk berbincang pada masa itu. Ada saja kesempatan kami duduk berbincang sehingga pagi.

"Tapi, waktu itu kami kesulitan wang. Akhirnya kami berenam setuju mengutip RM1,000 seorang.

"Tapi jumlah RM1,000 ketika itu amat besar. Maklumlah, kami ketika itu penolong pensyarah saja. Tapi demi semangat, kami membayarnya secara ansuran daripada wang gaji setiap bulan," katanya.

Tokoh bahasa dan sejarah itu mengakui selain masalah kewangan, halangan terbesar apabila timbulnya tentangan keras di kalangan pemimpin politik termasuk kerajaan.

"Jadi, pendekatan kita ialah melobi beberapa tokoh politik tertentu khususnya di dalam Umno supaya memujuk kerajaan.

"Masa itu antara yang kuat menyokong kami ialah Tan Sri Jaafar Albar, Tan Sri Syed Nasir, Datuk Rahman Talib dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri," katanya.

Menurut Dr Zainal, perjuangan menubuhkan UKM tidak ubah seperti mendapatkan kemerdekaan. Mereka terpaksa mengadakan "road show" (jelajah), ceramah, kongres di pelusok negara, termasuk di kampung pekan kecil dan daerah untuk mendapatkan sokongan rakyat bawahan.

"Paling menyedihkannya ada di kalangan pemimpin Melayu ketika itu seolah-olah menampar kemampuan anak bangsa menubuhkan sebuah universiti.

"Mereka kata bagaimana nak buat universiti sedangkan kita (masa itu) ada

dua profesor Melayu saja (Prof Diraja Ungku Aziz dan Prof Hamzah Sendut).

"Tapi kita tetap pertahankan, kalau tidak ada UKM, satu masa nanti orang Melayu akan mencemuh bahasa Melayu dan bangsanya.

"Pada masa yang sama kita perlu buktikan bahasa Melayu boleh sampai ke peringkat universiti," katanya.

Ketika menyemaraknya kemahuan orang Melayu, Allahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman yang terkenal pemimpin yang tegas dan berani mengeluarkan menyatakan bahawa kerajaan patut menubuhkan UKM.

"Ini memberi kemenangan moral kepada kami untuk terus mendapat sokongan kerajaan. Selepas itu, ketika hadir satu majlis di Maktab Bahasa, Menteri Pendidikan ketika itu, Tan Sri Khir Johari mengumumkan kerajaan setuju dengan penubuhan UKM," katanya.

Pada 1971, selepas bertungkus-lumus selama hampir tiga tahun, UKM menjadi kenyataan sebagai universiti pertama dan tunggal ditubuhkan melalui desakan rakyat.

"Selepas 20 tahun penubuhannya, UKM kini berjaya mengeluarkan lebih 14,000 graduan dalam pelbagai jurusan.

"Malah, UKM juga dianggap "kilang" yang melahirkan dan melatih tenaga pengajar untuk universiti lain selepas itu sehinggalah hari ini," katanya.

Kini, selepas melalui pelbagai liku kehidupan, Dr Zainal masih dikagumi sebagai tokoh bahasa dan sejarah yang merentasi dua abad.

"Kini saya lebih sibuk berbanding ketika berkhidmat di universiti dulu. Tapi, sibuk saya ialah semua yang saya buat itu saya suka melakukannya," katanya yang kini sudah mempunyai dua cucu melalui dua anaknya, Zainal Izmi, 36 dan Zainal Izlan, 32.

Menurutnya, sejak bersara pada 1993, beliau lebih suka duduk di rumah bersama isteri, Datin Badariah Abdul Hamid, meskipun kadangkala ada juga menerima jemputan untuk menyampaikan syarahan dan kertas kerja.

Katanya, bilik kecil di tingkat bawah rumahnya sering menjadi temannya menulis makalah, jurnal dan buku yang banyak berkisar mengenai soal bahasa agama dan kesedaran orang Melayu.

Namun, yang membuatkan saya kagum apabila menemuinya baru-baru ini, pengasas UKM nyata masih peka dengan pelbagai isu semasa nasional.

Apabila ditanya pergolakan orang Melayu kebelakangan ini, beliau secara berfalsafah berkata: "Saya selalu berkata kepada isteri setiap kali kami berkesempatan bercuti di tepi pantai.

"Orang Melayu patut menjadi ombak. Lihat bagaimana ombak laut berlumba-lumba menghempas pantai dan menghakis tebing tanpa jemu." katanya.